



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PORTAL PERMOHONAN FAEDAH AKSP 1969 (AKTA 4)

- 1. Apakah yang dimaksudkan Portal Permohonan Faedah?**
 - Portal ini merupakan sebuah inisiatif terbaharu oleh PERKESO dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada majikan.

- 2. Apakah fungsi Portal Permohonan Faedah?**
 - Portal ini berfungsi sebagai platform penghantaran borang tuntutan dibawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO yang meliputi tuntutan kemalangan, penyakit khidmat dan kematian.

- 3. Siapakah yang boleh menggunakan portal ini?**
 - Hanya majikan atau wakil majikan yang boleh menggunakan portal ini.

- 4. Bilakah tarikh kuatkuasa penggunaan Portal ini?**
 - 1 Julai 2021

- 5. Dimanakah manual penggunaan portal boleh diperolehi ?**
 - Manual penggunaan portal yang boleh diperolehi dari portal PERKESO www.perkeso.gov.my.

- 6. Bagaimana majikan boleh mendapatkan akses kepada portal ini?**
 - Majikan akan mendapat akses *ID* dan kata laluan secara automatik kepada portal ini sekiranya majikan memiliki akses kepada Portal ASSIST.

- 7. Adakah majikan perlu mendaftar untuk mendapatkan *ID* dan kata laluan sebelum boleh menggunakan Portal?**
 - Majikan tidak perlu daftar semula sekiranya majikan telah daftar di portal ASSIST.

- 8. Bolehkah pekerja memasukkan sendiri maklumat kemalangannya di dalam portal ini?**
- Semua butiran tuntutan yang hendak dihantar ke pejabat PERKESO hanya boleh dilengkapkan oleh majikan atau pegawai-pegawai yang dibenarkan oleh pihak pengurusan majikan tersebut. Ini kerana setiap tuntutan yang dikemukakan perlukan pengesahan majikan.
- 9. Jika seseorang pekerja ditimpa kemalangan siapakah yang perlu mengisi semua maklumat di dalam portal tersebut?**
- Semua maklumat berkaitan tuntutan yang berlaku ke atas pekerja ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak majikan ataupun mana-mana pegawai yang diberi kuasa tersebut oleh pihak majikannya.
- 10. Jika majikan mempunyai cawangan di negeri-negeri lain dan menggunakan no. kod majikan yang sama, siapakah yang perlu melengkapkan permohonan tersebut?**
- Mana-mana majikan yang mempunyai cawangan dan pekerja di banyak negeri boleh melengkapkan tuntutan tersebut sama ada melalui pihak Sumber Manusia yang menguruskan tuntutan tersebut secara berpusat ataupun melalui pegawai-pegawai yang telah diberi kuasa oleh pihak majikan tersebut di cawangan mereka beroperasi.
- 11. Pekerja telah ditimpa kemalangan tetapi majikan masih belum menerima maklumat berkaitan dengan kemalangan pekerja. Bolehkah pekerja tersebut mengemukakan tuntutan melalui Portal Barista?**
- Tidak boleh. Permohonan Portal Barista hanya boleh dilakukan oleh pihak majikan sahaja.
- 12. Majikan telah menerima laporan kemalangan dari pekerja. Namun, pekerja tidak memberikan maklumat lengkap. Bolehkah majikan tersebut mengemukakan tuntutan melalui Portal Barista?**
- Boleh. Sekiranya maklumat-maklumat mandatori (no. kad pengenalan orang berinsurans, tarikh kemalangan atau tarikh kematian) telah diperolehi.

- 13. Jika pekerja yang ditimpa kemalangan dan masih belum *discharge* dari hospital adakah tuntutan boleh dibuat melalui portal ?**
- Majikan boleh untuk mengemukakan permohonan tuntutan faedah meskipun pekerja masih dalam rawatan di hospital sekiranya telah mempunyai maklumat yang berkaitan dengan kemalangan tersebut.
- 14. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk membolehkan majikan menghantar Notis Kemalangan?**
- Selain daripada maklumat asas yang perlu dilengkapkan melalui portal ini, majikan boleh mengemukakan maklumat tambahan seperti Sijil Cuti Sakit ,Sijil Kerja Ringan , akuan bank , Laporan Kemalangan Jalan Raya tersebut jika berkaitan dan lain dokumen yang berkaitan.
- 15. Adakah majikan perlu mengemukakan Borang 34 (manual) walaupun telah mengemukakan tuntutan melalui portal ini?**
- Majikan yang telah menghantar permohonan melalui Portal ini tidak perlu menghantar Borang 34 secara manual.
- 16. Bolehkah tuntutan-tuntutan faedah lain menggunakan portal ini?**
- Portal ini hanya untuk tuntutan yang berkaitan dengan penghantaran Notis Kemalangan, Notis Penyakit Khidmat dan juga Notis Kematian.
- 17. Adakah tempoh had masa yang ditetapkan oleh PERKESO bagi mana-mana majikan untuk melapor kemalangan yang berlaku ke atas pekerjaannya melalui portal ini?**
- Majikan adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada PERKESO setiap kemalangan yang berlaku kepada pekerja dalam tempoh 48 jam setelah mereka dimaklumkan mengenainya. Berdasarkan kepada senario semasa mana mana majikan yang lewat melaporkan kemalangan yang berlaku kepada pekerjaannya akan diambil tindakan kompaun.

18. Bolehkah majikan membatalkan tuntutan di portal?

- Majikan tidak boleh membatalkan tuntutan yang dihantar melalui portal ini namun boleh memaklumkan PERKESO berkaitan dengan kes yang telah dihantar itu dengan menghubungi terus ke Pejabat di mana kes tersebut telah dihantar.

19. Sekiranya terdapat maklumat yang bercanggah telah diisi adakah pembetulan perlu dibuat di dalam portal atau perlu dikemukakan secara berasingan? Jika secara berasingan kepada siapakah majikan perlu mengemukakan maklumat tersebut.

- Tiada pembetulan yang boleh dibuat semula setelah mana-mana Notis dihantar melalui portal. Setiap maklumat tambahan, pembetulan dan sebagainya hendaklah dimaklumkan kepada pejabat yang memproses tuntutan tersebut dengan menghubungi Pejabat PERKESO tersebut

20. Adakah pekerja perlu tandatangan Borang 34 (Bahagian J)?

- Pekerja atau waris perlu tandatangan Borang 34(Bahagian J) dan majikan boleh muatnaik borang ini dalam portal.Sekiranya borang ini tidak diperolehi semasa permohonan,majikan boleh kemukakan secara manual sebaik sahaja dokumen ini diperolehi.

21. Bagaimanakah dengan dokumen asal yang telah diimbas(*scan*), adakah perlu hantar ke PERKESO?

Dokumen yang telah diimbas(*scan*) dan dihantar kepada PERKESO tidak lagi perlu dihantar kepada PERKESO melalinkan ada keperluan sekiranya dokumen yang diterima tidak jelas ataupun tidak diterima.

22. Bagaimana majikan boleh mengetahui tuntutan telah diterima oleh PERKESO?

- Majikan boleh berhubung dengan Pejabat PERKESO yang berkaitan.

23. Adakah seorang pekerja asing boleh membuat tuntutan melalui portal ini?

- Tidak boleh, portal ini hanya digunakan oleh pihak majikan dalam menguruskan tuntutan pekerja tempatan (warganegara, penduduk tetap dan penduduk sementara)

24. Adakah seorang pekerja yang ditimpa kemalangan boleh melengkapkan permohonan di portal tersebut tanpa pengetahuan majikan?

- Pekerja tidak boleh melengkapkan penghantaran Notis Kemalangan tanpa pengetahuan majikannya. Tanggungjawab pekerja adalah memaklumkan kemalangan yang berlaku kepada pihak majikan dan majikan bertanggungjawab melaporkan kemalangan tersebut kepada PERKESO dengan melengkapkan butiran tuntutan yang berkaitan.
- Jika ada majikan yang tidak mahu melaporkan kemalangan yang berlaku ke atas pekerja ini, maka pekerja yang berkenaan boleh membuat aduan kepada PERKESO mengenai kegagalan majikan melaporkan kemalangan yang berlaku.

25. Adakah seorang wakil Kesatuan Sekerja yang ingin membuat tuntutan bagi pihak ahlinya dibolehkan setelah majikannya tidak mahu membuat tuntutan anggotanya?

Wakil Kesatuan Pekerja tidak boleh melakukan tuntutan bagi ahlinya melalui portal ini tetapi mereka boleh membantu mengemukakan aduan secara manual kepada Pejabat PERKESO yang berhampiran.

26. Saya seorang majikan kepada pekerja domestik, adakah saya boleh membuat permohonan untuk pekerja saya yang ditimpa kemalangan semasa bekerja?

- Semua majikan termasuk majikan kepada pekerja domestik boleh menggunakan penggunaan portal ini untuk tuntutan faedah kepada pekerja yang tertakluk kepada majikan dan pekerja berkenaan telah berdaftar dengan PERKESO.

27. Adakah permohonan tuntutan Pencen Ilat boleh dikemukakan melalui portal ini?

- Buat masa ini permohonan tuntutan yang boleh dibuat melalui portal ini hanyalah untuk tuntutan yang berkaitan dengan Faedah Hilang Upaya Sementara, Penyakit Khidmat dan Faedah Orang Tanggungan sahaja dan perlu diuruskan oleh majikan.
- Permohonan untuk faedah di bawah Skim Keilatan masih menggunakan Borang 34 dengan melengkapkan dokumen serta maklumat yang diperlukan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

28. Adakah pihak majikan telah terlepas dari kesalahan lewat melapor kemalangan jika pengisian maklumat telah dibuat di dalam portal?

- Mana-mana majikan yang gagal ataupun lewat melaporkan kemalangan ke atas pekerjaannya masih tertakluk kepada peruntukan AKSP 1969.
- Berdasarkan kepada rekod dan siasatan mendapati majikan sengaja lewat melaporkan kemalangan yang berlaku maka ianya masih dianggap sebagai kesalahan sebagaimana maksud akta ini.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Dikemaskini pada 29 JUN 2021